



**KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL**
Aras 6, Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok B, No. 3200 Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
SELANGOR
MALAYSIA

Tel. : 03 - 90785988
Laman Web : www.jdn.gov.my
E-mel : nikzalbiha@jdn.gov.my

Ruj Kami: JDN.600-5/7/2(31)

Tarikh : 4 Julai 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PELANJUTAN KONTRAK PANEL *CLOUD FRAMEWORK AGREEMENT* (CFA) KALI KETIGA UNTUK TEMPOH 12 BULAN (1 JULAI 2026 HINGGA 30 JUN 2027)

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara di atas dan surat Jabatan Digital Negara (JDN) rujukan JDN.600-5/7/1(24) bertarikh 6 Februari 2026 adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan telah memeterai perjanjian *Cloud Framework Agreement* (CFA) secara *tripartite* melibatkan empat (4) *Cloud Service Provider* (CSP) dan *Managed Service Provider* (MSP) untuk tempoh empat (4) tahun enam (6) bulan yang merangkumi pelanjutan pertama dan kedua sehingga 30 Jun 2026.

3. Memandangkan Tender CFA 2.0 masih dalam proses kelulusan Kementerian Kewangan (MoF), pihak MOF telah meluluskan pelanjutan kali ketiga bagi Kontrak Panel CFA. Pelanjutan ini berkuatkuasa dari 1 Julai 2026 hingga 30 Jun 2027, melibatkan CSP/ MSP seperti berikut:

- i. Amazon Web Services (AWS) Malaysia Sdn. Bhd. / Radmik Solutions Sdn. Bhd.;
- ii. Google Cloud Malaysia Sdn. Bhd. / Awantec Systems Sdn. Bhd.;
- iii. Microsoft Malaysia Sdn. Bhd. / Enfrasys Solutions Sdn. Bhd.; dan
- iv. Telekom Malaysia (TM) Berhad / Cloud Connect Sdn. Bhd.



**MALAYSIA
MADANI**



4. Selaras dengan pelanjutan kontrak dan penguatkuasaan CFA seperti di para 3, semua perolehan langganan perkhidmatan pengkomputeran awan baharu/ lanjutan dalam tempoh pelanjutan CFA hendaklah mematuhi peraturan PK2.6 yang sedang berkuatkuasa serta setiap kos projek tidak melebihi nilai ambang *Free Trade Agreement* (FTA) seperti yang dinyatakan dalam PK1.3.

5. Selain itu, bagi Kementerian/ Agensi yang kontrak lesen dan perisian Microsoft mereka tamat antara 1 Januari hingga 31 Ogos 2026, pihak Microsoft bersetuju melanjutkan **tempoh ihsan (*grace period*) penggunaan lesen perisian Microsoft sehingga 30 September 2026**. Walau bagaimanapun, bayaran bagi penggunaan sepanjang tempoh ihsan ini perlu diambil kira dalam perolehan pembaharuan yang akan dilaksanakan kelak.

6. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan boleh dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Digital (BPED), JDN melalui e-mel pmobped@jdn.gov.my.

7. Pihak Kementerian/ Agensi adalah dimohon untuk memanjangkan makluman ini kepada Agensi di bawah seliaan masing-masing. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TS. NIK ZALBIHA BINTI NIK MAT)